

GARIS PANDUAN DAN SYARAT-SYARAT BANTUAN/ KERJASAMA POLIS DALAM PENERBITAN DRAMA/ FILEM/ IKLAN TEMPATAN.

1. Permohonan hendaklah dibuat secara bersurat menggunakan '*letter-head*' rasmi syarikat, dikemukakan 14 hari sebelum tarikh penggambaran yang melibatkan bantuan polis, kepada:

**Penguasa Perhubungan Awam
Tingkat 14, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman, 50560, Kuala Lumpur**

2. Permohonan hendaklah:

Menyertakan skrip penuh '*full-script*' – jika melibatkan peranan/ watak polis dalam filem/ drama berkenaan.

- Bagi penggambaran iklan sertakan '*story board*'.
- Untuk drama/ filem Cina atau Tamil, kemukakan skrip terjemahan Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris).
- Jika hanya memerlukan bantuan kawalan orang ramai/ kawalan trafik, skrip tidak diperlukan..

Menyatakan tarikh, masa dan lokasi penggambaran.

Menyatakan jenis dan butir-butir bantuan.

3. Skrip hendaklah selaras dengan Garis Panduan Lembaga Penapisan Filem Malaysia.
4. Di peringkat semakan skrip, jabatan ini akan menasihati dan memberi panduan khususnya berkaitan prosedur, etika atau elemen kepolisian. Pihak produksi akan diminta memperbetulkan atau mengubahsuai jika terdapat sebarang percanggahan dan ini hendaklah dipatuhi.
5. Penggambaran yang melibatkan babak-babak polis atau yang menyentuh aspek keselamatan dan ketenteraman awam hendaklah dibuat mengikut skrip yang dipersetujui oleh jabatan.
6. Penglibatan pegawai dan anggota serta penggunaan peralatan, kelengkapan dan premis polis dikenakan bayaran.
7. Semua penglibatan/ penggunaan pegawai, anggota polis, kelengkapan, peratan, premis polis hendaklah diinsurankan.
8. Sebarang kehilangan atau kerosakan kelengkapan, peralatan atau premis polis hendaklah diinsurankan.

9. Setelah surat kelulusan dikeluarkan oleh pejabat ini, pihak syarikat hendaklah membuat susulan 'follow-up' dan 're-confirm' dengan pihak balai atau formasi polis yang menyelaraskan bantuan yang berkenaan.
10. Kelulusan untuk bantuan/ kerjasama adalah tertakluk kepada perubahan atau pembatalan, kerana kepentingan tugas hakiki harian polis lebih diutamakan.
11. Mencatatkan **POLIS DIRAJA MALAYSIA** pada '*credit title*' drama/ filem/ iklan berkenaan.
12. Pihak syarikat dikehendaki mengemukakan pita VHS atau VCD drama/ filem/ iklan di peringkat '*finish-product*' ke pejabat ini untuk pra-tonton. Kegagalan mematuhi syarat ini memungkinkan syarikat berkenaan disenarai-hitamkan dan permohonan akan datang tidak akan dipertimbangkan.
13. Jabatan ini akan meminta syarikat membuat perubahan, penyuntingan, pemotongan atau penggambaran semula jika di peringkat pra-tonton didapati ada babak-babak atau elemen yang tidak betul atau tidak menepati etika dan prosedur polis. Selepas itu, ianya hendaklah dikemukakan semula ke pejabat ini untuk memastikan ianya telah diperbetulkan.
14. Jabatan ini akan mengeluarkan surat kelulusan kepada pihak syarikat dengan sesalinan kepada pihak stesyen TV setelah berpuashati dengan '*finish-product*' yang tidak bercanggah dengan etika dan prosedur kepolisian.
15. Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi:

**Cawangan Perhubungan Awam,
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman
50560 Kuala Lumpur.**

**Tel : 03-2262 6297/ 6309/ 6311
Faks : 03-2272 2710.**

--tamat.